

## **KEPENTINGAN KAWALAN SOSIAL DALAM MENANGANI SALAH LAKU MEMBABITKAN PENYOKONG BOLA SEPAK DI MALAYSIA**

Nur Hafizah Yusoff

Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia  
Email: nur\_hafizah@ukm.edu.my

### **Abstrak**

*Jurnal Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani 7(1): Received: 21 December 2017, Accepted: 20 January 2018* – Isu berkaitan salah laku dalam kalangan penyokong bola sepak di Malaysia bukanlah satu isu yang baru. Antara salah laku yang sering dilakukan oleh para penyokong bola sepak di negara ini adalah membabitkan salah laku bersifat verbal dan fizikal. Pihak FAM telah menjatuhkan denda dan hukuman bukan sahaja dalam bentuk wang ringgit bahkan turut menghukum pasukan bermain dalam keadaan stadium kosong. Namun demikian, semua hukuman tersebut masih tidak mampu untuk memastikan para penyokong mematuhi peraturan dan mengamalkan sikap profesional semasa berada di dalam stadium. Objektif artikel ini adalah ingin membincangkan mengenai kawalan sosial secara *internal* dan *external* yang mampu mengekang salah laku dalam kalangan penyokong bola sepak. Kajian ini bersifat kuantitatif dan seramai 600 orang responden terdiri daripada penyokong bola sepak daripada pasukan negeri Kelantan, Johor, Perak dan Selangor terlibat dalam sesi soal selidik yang telah dijalankan bagi mendapatkan data dan maklumat. Dapatan kajian yang utama adalah majoriti responden bersetuju bahawa setiap penyokong perlu mempunyai kawalan sosial secara *internal* dengan memfokuskan kepada pengawalan emosi, bersikap profesional, perlu lebih berdisiplin dan perlu mempunyai semangat kesukanan yang tinggi. Tetapi tidak menolak bahawa kepentingan kawalan sosial secara *external* seperti denda dan hukuman oleh pihak FAM, tangkapan dan dijatuhkan hukuman oleh mahkamah turut perlu dikuatkuasakan dengan lebih menyeluruh.

**Kata kunci:** salah laku, kawalan sosial, salah laku verbal, salah laku fizikal, kawalan sosial dalaman

## **THE IMPORTANCE OF SOCIAL CONTROL TO PREVENT MISBEHAVIOR AMONG FOOTBALL FANS IN MALAYSIA**

### ***Abstract***

*Issues related on misbehavior among football fans in Malaysia are not a new issue. Among the misbehavior is often done by the supporters of football in this country are verbal and physical. The FAM has imposed fines and penalties not only in cash but also to punish the team played in an empty stadium. However, all that of this seem not able to control the fans from compliance with the rules and adopting a professional attitude while in the stadium. The objective of this article is to discuss about the internal and external of social control to prevent misbehavior among football fans. This is a quantitative research that involved 600 respondents that were football fans from the state of Kelantan, Johor, Perak and Selangor. All respondents were involved in a questionnaire session to obtain data and information. The main findings of this study showed the majority of respondents agreed that every fan must have social control internally by focusing on emotion regulation, be professional, need to be more disciplined and need to have the sportsmanship spirit. However, the importance of external social control such as fined and punishment by FAM cannot be denied and the arrest and sentenced of misbehavior individual by the courts also need to be enforced more thoroughly.*

**Keywords:** *misbehavior, social control, verbal misbehavior, physical misbehavior, internal social control*

## **Pengenalan**

Salah laku dalam kalangan penyokong bola sepak bukanlah satu isu yang baru. Jika di barat, istilah *football hooliganism* telah mula diperkatakan sejak abad ke-16 lagi. Sejak abad ke-16 lagi fenomena ini telah direkodkan dan media massa juga giat melaporkan berkaitan dengan isu tersebut, sehingga tercetusnya '*moral panic*' dalam kalangan anggota masyarakat (Stead & Rockwood, 2007). Otto (1999) menambah, lazimnya mereka yang terlibat dalam *hooliganism* ini terdiri daripada generasi muda berumur lingkungan 15-25 tahun dan menyasarkan serangan dan provokasi terhadap kumpulan penyokong pasukan lawan.

Antara kes yang paling diingati melibatkan pergaduhan penyokong bola sepak terutamanya di England adalah pada tahun 1985. Apabila penyokong pasukan Liverpool dan Juventus bergaduh dalam stadium sehingga mengakibatkan seramai 39 orang penyokong Juventus meninggal dunia dan pada masa yang sama hampir separuh daripada stadium mengalami kerosakan (Dunning, 2000). Insiden terbabit telah mencemarkan imej England dalam sukan bola sepak dan ada sesetengah media melabelkan bahawa *football hooliganism* di England pada waktu itu sebagai 'English Disease' (Dunning, 2000; Otto, 1999). Kejadian yang hampir sama juga berlaku pada tahun 1989 membabitkan pergaduhan antara penyokong Liverpool dan Nottingham Forest yang menyaksikan 96 orang meninggal dunia dalam pergaduhan tersebut (Dunning, 2000).

Insiden pergaduhan sehingga menyebabkan kematian dan kecederaan menular sehingga hampir ke serata dunia. Pada tahun 2012, seramai 76 orang penyokong kelab bola sepak Al-Masry dan Al-Ahly di Mesir meninggal dunia akibat pergaduhan. Dilaporkan kejadian tersebut merupakan kejadian paling dahsyat bagi sukan bola sepak negara berkenaan. Antara senjata yang digunakan semasa berlakunya pergaduhan adalah peralatan tajam seperti pisau (Leyne, 2012). Di Malawi pula, pada tahun 2013 direkodkan pertembungan antara penyokong pasukan *Mighty Wanderers* dan *Silver Strikers* di Stadium Balaka. Akibat daripada pergaduhan terbabit seorang penyokong meninggal dunia dan 20 orang yang lain mengalami kecederaan serius (Kandu, 2013).

Malaysia turut tidak terkecuali dengan isu membabitkan para penyokong. Salah laku bersifat verbal (mengutuk, mengeluarkan kata-kata kesat dan lucah, provokasi keterlaluan) dan fizikal (membaling objek, bergaduh, menunjukkan isyarat lucah dan merosakkan harta benda stadium) antara yang sering kali dilakukan oleh para peminat bola sepak di negara ini (Nur Hafizah Yusoff, 2016). Walaupun pihak Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) telah menggariskan panduan yang perlu dipatuhi di bawah 'Artikel 70.1 Kod Tata tertib FAM 2015' berkenaan tanggungjawab terhadap kelakuan penonton, namun demikian, masih terdapat sebahagian para penyokong bola sepak tempatan yang masih berdegil dan terus melanggar peraturan yang telah ditetapkan.

## **Sorotan Karya**

### ***Faktor penyebab salah laku***

Terdapat pelbagai faktor yang mendorong berlakunya salah laku dalam kalangan penyokong bola sepak. Faktor umur dan elemen maskuliniti sering kali dikatakan menjadi penyebab utama kepada kejadian agresif dan ganas terutamanya di barat. Bodin, Heas & Robin (2004) mendapati bahawa kebanyakan kes membabitkan keganasan semasa menyaksikan perlawanan bola sepak dilakukan oleh golongan muda. Golongan muda sekitar usia 15-25 tahun lebih gemar untuk terlibat dalam pergaduhan berbanding dengan golongan yang lebih berusia (Otto,

1999; Fikret & Bilal, 2005; Spaaij 2006). Omid, Mehdi, Nasser & Zabiholah (2012) turut melakukan kajian kuantitatif menggunakan survei di Tehran, Iran dan mendapati bahawa terdapat hubungan antara faktor umur dan salah laku dalam kalangan penyokong bola sepak. Golongan muda sering mencari jalan untuk menonjolkan diri mereka, keinginan untuk meraih prestij dan dikenali dalam kalangan kumpulan menyebabkan ada sesetengah remaja memilih untuk melakukan keganasan (Hajbeigi, 2006; Fallahi, 2009; Spaaij 2006).

*“Hooliganism is the term used broadly to describe disorderly, aggressive and often violent behaviour perpetrated by spectators at sporting events and in UK, hooliganism is almost exclusively confined to football”*

(Frosdick & Marsh, 2005)

Kleomanis (2004) menambah berkenaan faktor maskuliniti yang sememangnya tidak dapat lari dengan sifat kasar, ingin menunjukkan kekuasaan serta keupayaan diri ada kalanya menjadi keterlaluan sehingga berlakunya pelanggaran undang-undang dan merosakkan harta benda awam. Kaum lelaki yang disosialisasikan dengan elemen maskuliniti dalam diri mereka merasakan bahawa perlu adanya unsur keganasan, kekasaran bagi membuktikan imej maskuliniti yang dimiliki mereka (Young & White, 2000). Apabila adanya unsur ganas maka kaum lelaki boleh mengelakkan daripada dilabel sebagai lemah. Demi membuktikan imej maskuliniti tersebut maka tidak hairanlah jika mereka sanggup melakukan tingkah laku devian walaupun mereka sedar akan kesan daripada tingkah laku mereka. Idea berkenaan dengan maskuliniti ini juga menyaksikan bahawa kaum wanita jarang sekali terlibat dalam sebarang bentuk kekasaran semasa menyaksikan perlawanan bola sepak. Namun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa kaum wanita lebih banyak terbabit dalam kategori devian secara verbal (Spaij, 2006; Young & White, 2000; Dunning, 2000).

Bagi penyokong tegar atau *fanatic* pula, mereka sentiasa meramalkan kemenangan buat pasukan mereka. Dan, mereka tidak bersedia untuk menerima sebarang kekalahan (Wann & Branscombe, 1993). Penyokong tegar ini juga bersikap prejudis terhadap pasukan yang lain dan sering kali menganggap pasukan lain lemah dan hanya pasukan mereka yang hebat. Golongan ini sering kali menganggap bahawa setiap sen yang telah dilaburkan terhadap pasukan kegemaran mereka sepatutnya membawa kepada kemenangan selari dengan apa yang dilaburkan oleh mereka. Oleh yang demikian, apabila pasukan mereka tidak dapat mencapai kehendak mereka yakni beroleh kemenangan, golongan ini mudah dikawal oleh emosi negatif. Apabila mengalami kekalahan, daripada menghadapi hakikat kekalahan, mereka bersikap sebaliknya. Bermula secara *verbal* dengan mengutuk dan memaki hamun pasukan sendiri dan juga pasukan lawan dan berakhir dengan merosakkan harta benda awam serta bergaduh dengan penyokong pasukan lawan (Young, 1993; Spaij, 2006).

Aspek kelemahan kawalan sosial juga sebenarnya menjadi punca kepada *football hooliganism*. Sememangnya sukar untuk mengawal kesemua penyokong bola sepak yang berjumlah puluhan ribu di dalam stadium. Jumlah anggota keselamatan yang tidak mencukupi (Spaij, 2006) serta lemahnya aspek kawalan keselamatan menyumbang kepada peningkatan jumlah keganasan melibatkan para penyokong.

Penyokong bola sepak Malaysia lebih banyak menggunakan alasan kecewa dengan kekalahan pasukan, merasa rugi dengan wang yang dilaburkan, kelemahan kawalan keselamatan di dalam stadium, berdendam dengan penyokong lawan, tidak berpuas hati dengan keputusan pegawai perlawanan dan juga tidak berpuas hati dengan pentadbiran FAM sebagai penyebab mereka melanggar peraturan dan terlibat dalam kejadian salah laku (Nur Hafizah Yusoff, 2016).

### ***Jenis salah laku***

Lazimnya salah laku secara verbal lebih kerap kali dilakukan oleh penyokong bola sepak apabila mereka berada di dalam stadium. Fikret dan Bilal (2005) menyatakan bahawa salah laku membabitkan verbal lebih banyak berlaku berbanding fizikal. Antara bentuk salah laku secara verbal ialah, menjerit, mencaci maki, mengeluarkan kata-kata lucah serta memperlekehkan pasukan dan penyokong lawan. Serangan secara verbal tidak akan meninggalkan kesakitan atau mencederakan fizikal lawan. Tetapi, ianya akan mengganggu emosi penyokong lawan dan akan menyebabkan reaksi yang berlawanan berlaku dan sering kali serangan secara verbal ini diakhiri dengan serangan fizikal. Namun demikian, sering kali salah laku verbal ini berakhir dengan pergaduhan antara penyokong.

Malaysia juga tidak terlepas daripada berhadapan dengan isu salah laku membabitkan penyokong bola sepak. Sejak sepuluh tahun yang lalu, semakin banyak kes-kes membabitkan salah laku penyokong bola sepak telah dilaporkan di media massa. Bukan itu sahaja, pihak Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) selaku badan yang berkuasa dalam mengawal selia pentadbiran bola sepak di negara ini turut sering kali mendenda dan menghukum pasukan bola sepak atas kesalahan melibatkan penyokong masing-masing. Bermula daripada insiden memaki hamun, membaling objek ke tengah padang, membakar mercun dan suar sehingga melakukan rusuhan. Antara rusuhan penyokong pernah berlaku adalah di Stadium Kelantan pada tahun 2010 yang menyaksikan para penyokong Kelantan bukan sahaja merosakkan harta benda stadium malah membakar kenderaan awam serta bergaduh dengan anggota polis.

Kes yang sama juga berlaku pada tahun 2015 apabila pasukan Sarawak melakukan rusuhan di Stadium Sarawak dengan merosakkan harta benda stadium dan bergaduh dengan anggota keselamatan sehingga insiden tersebut terpaksa dihuraikan dengan tembakan gas pemedih mata. Selain itu, insiden rusuhan membabitkan penyokong pasukan Harimau Malaya yang dikenali sebagai 'Ultras Malaya' pada September 2015 membabitkan pasukan Kebangsaan dan skuad Arab Saudi untuk pertandingan kelayakan Piala Dunia. Insiden rusuhan bermula dengan penyokong Ultras Malaya membaling mercun, membakar suar dan membaling suar ke tengah padang. Selain itu juga, kerusi stadium dicabut dan dilempar ke kawasan padang. Insiden pergaduhan antara penyokong, membaling objek ke kawasan padang turut kerap dilakukan oleh segelintir penyokong yang tidak bertanggungjawab.

### ***Langkah pengawalan dan pencegahan salah laku penyokong bola sepak***

Pelbagai langkah-langkah pencegahan dan pengawalan salah laku membabitkan para penyokong bola sepak telah dilakukan oleh pelbagai negara di dunia. Langkah-langkah pencegahan ini mungkin berbeza pendekatannya antara negara kerana faktor perbezaan budaya, geografi dan salah laku penyokong itu sendiri. Di Hungary misalnya, kajian telah dilakukan oleh Freyer (2004) berkaitan langkah-langkah pencegahan penyokong daripada bertindak ganas di stadium. Khidmat anggota polis sememangnya diperlukan di stadium bagi mengawal tingkah laku penyokong bola sepak. Polis mempunyai kemahiran dalam mengawal sebarang bentuk kekacauan atau keganasan seandainya berlaku di stadium. Justeru itu, jumlah anggota polis di stadium perlu ditambah agar dapat menimbulkan rasa gerun dalam kalangan penyokong.

Kemudahan sekuriti yang terdapat di dalam stadium perlu ditambah baik. Penggunaan *closed circuit television* (CCTV) perlu diperluaskan penggunaannya. Setiap stadium perlu memiliki lebih daripada lima CCTV bagi membantu memantau dan mengenal pasti penyokong yang melanggar peraturan (Spaijj, 2005), sekiranya jumlah CCTV yang dipasang di dalam stadium mencukupi, ianya akan membantu memantau pergerakan para penyokong (Frosdick,

2005). Garland & Rowe (2004) menambah bahawa kemudahan CCTV seharusnya dilengkapi dengan perisian komputer dan teknologi *photophone* yang boleh membantu memadamkan wajah pesalah (sekiranya data mengenai mereka berada dalam *database*). Namun demikian, menurut Reicher, Stott, Cronin & Adang (2004) penggunaan CCTV ini ada kalanya tidak dapat membantu mengawal salah laku penyokong kerana para penyokong tidak dapat melihat kewujudan CCTV dan ini membuatkan mereka berasa tiada pengawalan dilakukan. Lebih memalukan, apabila kualiti CCTV yang diletakkan di dalam stadium adalah sangat tidak berkualiti sehingga imej pesalah dan salah laku mereka tidak dapat dilihat dengan teliti (Stead & Rokwood, 2007).

*Self-regulation* menjadi isu perbincangan bagi kebanyakan pengkaji dalam membincangkan mengenai langkah pengawalan dan pencegahan terbaik untuk mengekang kejadian keganasan membabitkan para penyokong. Para penyokong perlu mengambil tanggungjawab terhadap setiap kesalahan yang mereka lakukan (Evans & Rowe, 2002; Spaijj, 2005 & Stott, 2003). Selain itu, hubungan antara penyokong dengan kelab atau pasukan juga seharusnya menjadi salah satu cara untuk memastikan para penyokong mematuhi norma dan peraturan yang telah ditetapkan. Penyokong perlu dilibatkan bersama-sama dalam pasukan kerana dengan adanya *attachment* dalam pasukan akan meningkatkan perasaan sayangkan pasukan. Barcelona sememangnya dikenali sebagai pasukan bola sepak yang cukup berpengaruh dan memiliki penyokong yang sangat fanatik contohnya penyokong yang dikenali sebagai *Boixes Nois* yang terkenal dengan keganasan dan salah laku di stadium. Pihak pengurusan kelab mengambil inisiatif dengan memberikan tiket percuma, mengatur perjalanan menonton perlawanan serta mengambil para penyokong *Boixes Nois* ini bekerja (pembantu keselamatan). Hubungan dan kepercayaan yang terhasil ini dapat mengurangkan kes *hooligan* membabitkan ahli kumpulan tersebut (Spaijj, 2005). Secara tidak langsung, kenyataan ini menunjukkan bahawa elemen kawalan sosial secara *internal* sama pentingnya dengan kawalan sosial yang bersifat luaran dalam usaha mendidik para penyokong mengawal tingkah laku mereka.

Namun demikian, di Malaysia isu berkenaan *self-regulation* ini masih tidak meluas penggunaannya. Hal ini disebabkan oleh pihak pengurusan dan pentadbiran termasuk FAM mahupun Persatuan Bola Sepak Negeri yang tidak begitu terbuka dan tidak proaktif melibatkan penyokong dalam pentadbiran mereka. Sedangkan para penyokong merupakan *stakeholder* yang terpenting bagi sesebuah pasukan. Para penyokong menjana kewangan pasukan, maka pihak pengurusan seharusnya melibatkan penyokong bersama-sama dalam pentadbiran dan pengurusan sesebuah pasukan. Perjumpaan berkala dengan para penyokong, dialog bersama penyokong perlu dilakukan bagi membolehkan para penyokong mengetahui tentang perkembangan dan masalah yang dihadapi oleh pasukan mereka. Selain itu, pihak pengurusan juga boleh mengingatkan para penyokong akan kepentingan menjaga kelakuan mereka semasa berada di dalam stadium dan tidak melanggar peraturan yang telah ditetapkan.

## **METOD KAJIAN**

### **Kaedah mendapatkan data**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mendapatkan data. Survei menggunakan instrumen borang soal selidik telah diguna pakai. Soal selidik merangkumi soalan *open* dan *ended* dibina bagi mendapatkan jawapan dari aspek sosiodemografi responden dan pandangan responden berkenaan sistem sekuriti sedia ada di stadium dari segi keberkesanan sistem tersebut dari perspektif responden sendiri. Selain itu, soalan berkaitan ciri-ciri yang harus ada

dalam diri setiap penyokong bagi memupuk *internal social control* bagi menghalang dari perlakuan negatif turut ditanya.

### ***Kaedah pemilihan responden***

Seramai 600 orang responden dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Antara ciri-ciri yang telah ditetapkan pada responden adalah, berusia lingkungan 18-60 tahun, menyaksikan perlawanan bola sepak secara langsung di dalam stadium dan terdiri daripada penyokong pasukan bola sepak Kelantan, Perak, Selangor dan Johor (150 orang responden untuk setiap pasukan bola sepak). Keempat-empat pasukan ini dipilih adalah kerana semuanya terkenal dengan jumlah penyokong yang ramai menyaksikan perlawanan secara langsung di stadium, memiliki penyokong yang fanatik dan sering kali dikenakan denda dan hukuman oleh FAM atas pelbagai kesalahan membabitkan penyokong masing-masing.

### ***Kaedah memproses dan menganalisis data***

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) dan dipersembahkan secara deskriptif frekuensi. Bagi soalan berkaitan keberkesanan sistem sekuriti sedia ada di stadium, jadual berbentuk frekuensi dan peratusan dipersembahkan bagi memperlihatkan tahap-tahap pandangan yang diberikan oleh para responden. Skala likert digunakan dalam soalan ini bagi memperlihatkan tahap persetujuan responden terhadap keberkesanan sistem sekuriti sedia ada di dalam stadium (sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju). Bagi soalan berkaitan ciri-ciri yang perlu ada dalam diri setiap penyokong bola sepak bagi mengelakkan mereka terlibat dalam salah laku semasa berada di dalam stadium turut dipersembahkan secara peratusan dan kekerapan bagi memperlihatkan apakah ciri khusus dan penting yang perlu ada dalam diri penyokong ini.

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, seramai 600 orang responden telah dipilih untuk menjawab soal selidik ini dengan majoritinya adalah responden lelaki (81%) dan selebihnya (19%) adalah responden wanita. Pecahan umur responden adalah, 20-24 tahun (30.3%), 25-29 tahun (22.2%) dan 30-34 tahun (10.1%). Bodin, Heas & Robin (2004) menyatakan bahawa golongan muda lebih gemar menyaksikan perlawanan secara langsung di stadium berbanding dengan golongan yang lebih berusia. Seramai 30 orang responden (5.0%) merupakan responden yang berusia melebihi 45 tahun.

### ***Keberkesanan sistem sekuriti sedia ada di dalam stadium***

Pihak Persatuan Bola Sepak Negeri sememangnya telah menyediakan sistem sekuriti sebelum, semasa dan selepas sesuatu perlawanan bola sepak berlangsung. Namun demikian, ada kalanya sistem sekuriti yang disediakan tidak menepati piawaian yang telah ditetapkan oleh FAM dan ada yang tidak dijalankan secara komprehensif dan holistik. Kelemahan aspek sistem sekuriti ini secara tidak langsung membuka ruang dan peluang kepada para penyokong yang tidak bertanggungjawab untuk melanggar peraturan.

**Jadual 1** Pandangan terhadap sistem sekuriti sedia ada di stadium

Sistem sekuriti	sangat tidak setuju (%)	tidak setuju (%)	kurang setuju (%)	setuju (%)	sangat setuju (%)	Jumlah
Pihak pengurusan menyediakan sistem sekuriti yang cekap	19 (3.2)	29 (4.8)	215 (35.8)	217 (36.2)	60 (10.0)	600 (100%)
Sistem sekuriti yang ketat di setiap pintu masuk stadium	18 (3.0)	36 (6.0)	254 (42.3)	243 (40.5)	49 (8.2)	600 (100%)
Setiap penyokong diperiksa terlebih dahulu	5 (0.8)	34 (2.2)	193 (32.2)	283 (47.2)	85 (14.2)	600 (100%)
Jumlah anggota keselamatan mencukupi di stadium	7 (1.2)	77 (12.8)	215 (31.8)	235 (39.2)	66 (11.0)	600 (100%)
Penyokong yang ganas dapat ditangkap	18 (3.0)	60 (10.0)	243 (40.5)	224 (37.3)	55 (9.2)	600 (100%)
Kemudahan CCTV di dalam stadium	18 (3.0)	72 (12.0)	232 (38.7)	230 (38.3)	48 (8.0)	600 (100%)

Dari segi penyediaan sistem sekuriti, sememangnya pihak pengurusan pasukan negeri bertanggungjawab dalam memastikan semua aspek keselamatan disediakan bagi menjamin keselamatan bukan sahaja penyokong tetapi juga pihak pemain serta pegawai perlawanan. Sebanyak 36.2 peratus responden mengakui bahawa pihak pengurusan telah menyediakan sistem sekuriti yang cekap di stadium dalam usaha mereka untuk mengelakkan berlakunya perkara-perkara yang tidak diinginkan. Dalam pada itu, seramai 35.8 peratus responden pula menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju bahawa pihak pengurusan telah menyediakan sistem sekuriti yang cekap. Menurut mereka, jika benar pihak pengurusan telah menjalankan kerja dengan cekap dan efisien, maka tiada kes-kes berkaitan dengan pelanggaran undang-undang serta salah laku membabitkan para penyokong di stadium.

Selain itu, dari segi aspek kawalan sekuriti yang ketat di setiap pintu masuk stadium pula, sebanyak 42.3 peratus (254 orang responden) menyatakan bahawa mereka kurang bersetuju dengan kenyataan terbabit. Manakala, seramai 40.5 peratus responden bersetuju bahawa sistem sekuriti yang ketat diamalkan di setiap pintu masuk. Dari segi jumlah anggota keselamatan yang disediakan bagi mengawal keadaan keselamatan di dalam dan di luar stadium, seramai 31.8 peratus responden menyatakan bahawa mereka kurang bersetuju dengan jumlah anggota keselamatan sedia ada di stadium adalah mencukupi. Responden menyatakan bahawa tidak semua perlawanan bola sepak disediakan dengan sejumlah besar anggota keselamatan bagi memantau dan mengawal kelancaran perlawanan. Sebanyak 39.2 peratus responden bersetuju bahawa jumlah anggota keselamatan adalah mencukupi bagi memastikan perlawanan bola sepak dapat berlangsung dengan lancar.



Penyokong juga ditanya adakah mereka berpuas hati dengan jumlah tangkapan penyokong yang berkelakuan ganas dan seramai 224 orang responden (37.3 peratus) bersetuju bahawa penyokong yang ganas berjaya ditangkap oleh pihak berkuasa. Manakala majoriti memberikan maklum balas bahawa mereka tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju dengan kenyataan terbabit. Responden berpendapat bahawa, memang ada tangkapan dilakukan oleh pihak berkuasa namun jumlah penyokong yang ditangkap adalah sedikit berbanding dengan jumlah sebenar penyokong yang bergaduh dan mencetuskan kekecohan. Seperti mana yang berlaku di Stadium Negeri Sarawak pada bulan Ogos 2014 yang lalu, para penyokong telah merusuh dengan teruk, merosakkan kemudahan stadium malah membakar kenderaan awam. Jumlah penyokong yang terlibat dalam rusuhan terlalu ramai dan hanya seramai lima orang penyokong yang berjaya ditahan oleh pihak berkuasa.

Khidmat kamera litar tertutup (CCTV) turut memainkan peranan yang penting dalam membantu mengenal pasti dan menangkap penyokong yang melanggar peraturan semasa menyaksikan perlawanan bola sepak. Sebanyak 38.3 peratus responden bersetuju bahawa dengan adanya kemudahan CCTV di stadium-stadium, ianya berupaya mencegah para penyokong daripada berkelakuan devian. Sebaliknya, sebanyak 53.5 peratus responden memberikan reaksi yang negatif iaitu jawapan antara kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan kenyataan CCTV sedia ada di stadium dapat membantu menangkap penyokong yang ganas. Menurut responden kebanyakan CCTV yang terdapat di dalam stadium sudah tidak berfungsi dan bukan dalam keadaan yang kondusif. Hal ini diakui oleh pihak yang bertanggungjawab iaitu Majlis Perbandaran mahupun pihak Kerajaan Negeri yang menyatakan bahawa kos penyediaan dan penyelenggaraan CCTV adalah tinggi. Justeru itu tidak hairanlah, jika CCTV sedia ada juga mengalami kerosakan dan tidak diperbaiki. Berbeza halnya dengan situasi di stadium di Eropah terutamanya di England, apabila kemudahan CCTV diperbanyakkan di stadium mereka, malah terdapat sebuah bilik kawalan untuk kegunaan anggota polis disediakan di dalam stadium. Dengan adanya bilik kawalan terbabit, ianya memudahkan anggota polis untuk memantau gelagat para penyokong dan menangkap mereka yang berkelakuan mencurigakan. Insiden pergaduhan membabitkan para penyokong juga berjaya diatasi dengan adanya kemudahan-kemudahan tersebut (O'Neill, 2005).

### ***'Self-regulation' dalam kalangan penyokong bola sepak***

Sukar untuk mengharapkan pihak berkuasa semata-mata untuk memantau dan mengawal kelakuan penyokong semasa berada di dalam stadium. Jumlah penyokong yang ramai menyukarkan pihak berkuasa untuk memantau dan menangkap mereka yang bersalah. Oleh yang demikian, para penyokong sendiri perlu mengambil langkah proaktif dalam mengelakkan mereka terbabit dalam sebarang tingkah laku negatif semasa menyaksikan perlawanan bola sepak di stadium. Para penyokong seharusnya mempunyai rasa sepunya (*sense of belonging*) terhadap pasukan mereka. Perasaan sepunya ini dapat dibentuk dan diperkukuhkan dengan adanya penglibatan dan keterikatan (*attachment*) terhadap pasukan mereka. Ini kerana, jika penyokong mempunyai perasaan sedemikian, maka mereka akan merasa rugi seandainya pasukan dijatuhkan hukuman bermain tanpa penyokong atau di stadium berkecuali. Jika keadaan ini terjadi, mereka tidak akan berpeluang menyokong dan menyaksikan perlawanan secara langsung di stadium.

Penyokong turut seharusnya memberikan komitmen terhadap pasukan dengan menyokong di saat pasukan mencapai kemenangan mahupun kekalahan. Komitmen ini mampu mengelakkan para penyokong terpengaruh dengan emosi dan frustrasi saat pasukan mereka mengalami kekalahan atau mendapat provokasi daripada penyokong lawan. Para penyokong perlu sedar, jika pihak FAM menjatuhkan denda akibat daripada kesalahan mereka, pihak

persatuan bola sepak yang bakal menanggung kerugian kerana terpaksa membayar denda puluhan ribu ringgit. Selain itu, para penyokong juga perlu mempunyai kepercayaan dalam diri mereka. Kepercayaan terhadap pasukan dan ciri-ciri positif yang perlu ada dalam diri setiap penyokong, akhirnya akan dapat mencegah mereka daripada bertingkah laku secara negatif.

**Jadual 2** Ciri-ciri yang perlu ada dalam diri penyokong

Ciri-ciri	Peratus (%)
Perlu bijak mengawal emosi	90.0
Belajar menerima kekalahan	70.0
Perlu lebih berdisiplin	83.2
Berkelakuan sopan	55.4
Tidak mudah terpengaruh dengan provokasi	48.6
Bersikap profesional	86.4
Perlu mempunyai semangat kesukanan yang tinggi	74.0
Bertanggungjawab terhadap kelakuan sendiri	68.8

Majoriti responden bersetuju (99.2 %) bahawa setiap penyokong yang datang menyaksikan perlawanan bola sepak secara langsung di stadium perlu bertanggungjawab mengawal kelakuan mereka sendiri. Responden turut menyatakan antara ciri-ciri tingkah laku yang sepatutnya ada pada diri penyokong bagi memastikan insiden salah laku devian tidak berlaku. Majoriti responden menyatakan bahawa setiap penyokong seharusnya perlu bijak mengawal emosi (90.0%) semasa berada di dalam stadium. Jika para penyokong mempunyai kemampuan untuk mengawal emosi mereka dengan baik, maka kecenderungan untuk mereka terpengaruh dengan kelakuan penyokong lain atau mudah menjadi marah atau kecewa dapat diatasi.

Selain itu, sebanyak 70 peratus para penyokong turut disarankan agar dapat menerima kekalahan pasukan mereka. Apabila pasukan mereka mengalami kekalahan, para penyokong seharusnya dapat bersabar dan belajar menerima kekalahan tersebut dengan hati yang terbuka. Seperti mana mereka meraikan jika pasukan mereka memperoleh kemenangan, maka mereka turut seharusnya bersedia jika pasukan mereka kalah dalam satu-satu perlawanan. Menang dan kalah adalah lumrah dalam mana-mana sukan sekalipun dan sebagai seorang penyokong yang tegar seharusnya mereka berada bersama-sama pasukan tidak kira di saat pasukan mereka mencapai kemenangan mahupun semasa pasukan mereka mengalami kekalahan. Selanjutnya seramai 80 peratus responden turut menambah dengan mengamalkan sikap profesional sebagai seorang penyokong, ianya akan membantu para penyokong untuk menerima setiap kemenangan dan kekalahan khususnya dengan hati yang terbuka.

Sehubungan dengan itu, para penyokong seharusnya memiliki semangat kesukanan yang tinggi (74.0%). Dengan adanya semangat kesukanan yang tinggi, para penyokong akan dapat menerima setiap keputusan perlawanan dengan hati yang terbuka. Seramai 55.4 peratus responden berpendapat bahawa penyokong bola sepak perlu berkelakuan sopan semasa berada di dalam kawasan stadium. Berkelakuan sopan bermaksud bahawa penyokong perlu mematuhi norma dan peraturan yang telah ditetapkan dan berusaha untuk tidak melanggarnya. Jika penyokong mahu memberikan sokongan seperti menjerit, melaungkan kata-kata semangat mahupun menyanyikan lagu pasukan mereka, ianya seharusnya secara bersederhana dan tidak

mengganggu perhatian penyokong lain (Spaijj, 2006; Kelomanis, 2004). Ini kerana, jika perbuatan tersebut mengganggu perhatian penyokong yang lain, dikhuatiri ianya akan menjengkelkan penyokong yang lain dan membuatkan mereka berasa tidak fokus untuk menonton perlawanan.

Penyokong turut disarankan agar perlu lebih berdisiplin semasa berada di dalam stadium. Seramai 83.2 peratus responden menyatakan bahawa disiplin akan membantu penyokong daripada terlibat dengan sebarang kejadian yang tidak diinginkan semasa berada di stadium. Hal ini kerana, dengan disiplin yang kuat maka penyokong dapat mengawal diri mereka sendiri daripada terlibat dalam salah laku-salah laku yang menyimpang daripada norma dan peraturan. Terdapat juga responden yang mengesyorkan agar para penyokong tidak mudah terpengaruh dengan provokasi terutamanya daripada penyokong lawan (48.6%). Umum mengetahui bahawa provokasi adalah perkara yang biasa dalam sukan bola sepak, ianya boleh dikatakan telah menjadi sebahagian daripada budaya bagi sebahagian besar penyokong bola sepak di seluruh dunia (Dunning, 2000). Oleh yang demikian, jika para penyokong tidak dapat mengawal diri mereka daripada mudah terpengaruh dengan provokasi pihak lawan, maka insiden salah laku yang lebih teruk yakni salah laku fizikal kerap kali tercetus hasil daripada insiden provokasi tersebut

## **Kesimpulan**

Sukan bola sepak tidak akan berkembang jika tiada sokongan daripada para penyokong. Namun demikian, sokongan yang diharapkan oleh para pemain dan barisan pengurusan ada kalanya dibalas dengan salah laku oleh para penyokong. Kedua-dua pihak yakni, pihak pengurusan pasukan dan para penyokong seharusnya lebih banyak berkomunikasi mengenai sikap yang dibenarkan dan dilarang semasa berada di dalam stadium. Para penyokong perlu sentiasa diingatkan bahawa sebarang tingkah laku negatif dan agresif bukan sahaja mencemarkan imej bola sepak pasukan, malah mencemarkan imej penyokong pasukan itu sendiri. Lebih teruk, ianya juga boleh membahayakan keselamatan penyokong lain terutamanya wanita dan kanak-kanak.

Para penyokong perlu memiliki semangat kesukanan yang tinggi dan tidak mudah terikut dengan emosi dan kelakuan penyokong lain semasa berada di dalam stadium. Kemenangan dan kekalahan dalam bola sepak adalah perkara biasa, penyokong harus mengakui akan perihal tersebut dan sentiasa mengamalkan sikap yang positif. Sebagai seorang penyokong, tanggungjawab mereka adalah menyokong di saat pasukan mendapat kemenangan mahupun di saat pasukan mengalami kekalahan.

## **RUJUKAN**

- Bodin, D, Heas, S & Robene, L. (2004). Hooliganism: on social anomie and determinism, *Sport Management Journal*. (10): 1-11.
- Dunning, E. 2000. Towards a Sociological Understanding of Football Hooliganism as a World Phenomenon. *European Journal on Criminal Policy and Research*, (2): 141-62.
- Evans. R. & Rowe. M. (2002). Taking Football Disorder Abroad. *Soccer and Society* (3): 37-53.
- Fikret. R & Bilal. C. 2005. Aggressiveness behaviours of soccer spectators and prevention of these behaviours. *Firat University Journal of Social Science* (15): 279-287.
- Freyer. T. (2004). Rules in Hungary to stop football hooliganism. *Values and Sports* (2): 17-21.
- Frosdick, S. 2005. Pompey v Saints: a case study in crowd segregation. *International Journal of Police Science and Management* 7(3): 149-159.

- Garland. J. & Rowe. M. (2004). The English disease- curedor in remission? An analysis of police responses to football hooliganism in 1990s. *Crime Prevention and Community Safety*, (5), 35-47.
- Kandu. F. 2013, February 23. *Fan dies and 20 injured in Malawi football violence*. Carian dalam <http://www.bbc.com/sport/0/football/25542297>.
- Kleomanis. L. 2004. Changes in socio-economic and demographic composition of Greek football spectators. *European Journal for Sport and Society* 2(2): 109-120.
- Leyne. J. 2012, Mac 03. *Egypt football violence leaves many dead in Port Said*. Carian dalam <http://www.bbc.co.uk/news/world-middle-east-16845841>.
- Nur Hafizah Yusoff. 2016. Type of deviant behavior among football fans in Malaysia. *Mediterenean Journal of Social Science*, 7(1): 59-62.
- O'Neill. M. (2005). *Policing Football: Social Interaction and Negotiated Disorder*. Basingstoke and New York: Palgrave.
- Omid. J, Mehdi, R. G, Nasser. T & Zabiholah. T. (2012). A survey on violence in soccer spectators of Tehran city and the ways decreasing it. *International Journal of Basic Sciences & Applied research* (1): 22-25.
- Otto Adang. (1999). *Committee on Culture and Education, Council of Europe*. Netherlands: Socialist Group.
- Reucher, S., Stott. C, Cronin. P. & Adang. O. (2004). An integrated approach to crowd psychology and public order policing. *An international Journal of Police Strategies & Management*, (27): 558-572.
- Spaij. R. (2005). 'Aspects of Hooligan Violence: A Reappraisal of Sociological Research into Football Hooliganism', *ASSR Working Paper Series*, No. 06/02.
- Stead, D. and Rookwood, J. (2007). Responding to football disorder, policing the British football fan. *Journal of Qualitative Research in Sports Studies* 1(1): 33-41.
- Stott. C. (2003). Police expectations and the control of English soccer fans at Euro 2000. *An international Journal of Police Strategies & Management*, (45): 640-655.
- Wann, D. L & Branscombe, N. R. (1993). Sport fans: measuring degree of identification with their team. *International Journal of Psychology* 2(4): 1-17.
- Young. K & White. P. (2000). Researching sports injury: reconstructing dangerous masculinities. In: McKay, J, Messner. M. A & Sabo. D. (eds) *Masculinities, Gender Relations and sports*. United Kingdom: Sage Publications.
- Young. K. (1993). Voilence, risk and liability in male sports culture. *Sociology of Sport Journal* (4): 373-396.

✉ Nur Hafizah Yusoff

Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
43600 UKM Bangi  
Selangor